

Selangor, Lembah Klang dapat air dari Pahang

BH 15 DEC 2002

IPOH: Selangor dan beberapa kawasan di Lembah Klang dijangka menerima bekalan air mentah mencukupi sekurang-kurangnya bagi tempoh 20 tahun akan datang apabila projek membina terowong menyalur air 37 kilometer dari Pahang siap menjelang 2006.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, Kerajaan Jepun meluluskan pinjaman membina terowong bernilai RM5.7 bilion yang dijangka bermula awal tahun depan.

"Kemudahan pembekalan air sedia ada di Selangor dijangka dapat digunakan hingga tahun 2007.

"Projek baru membabitkan pembinaan terowong dari Pahang akan memastikan bekalan air mentah mencukupi bagi kegunaan sektor domestik dan industri di Selangor," katanya selepas merasmikan penggambaran filem Tamil 'Kathal KisuKisu' (Gosip Cinta) terbitan sebuah syarikat produksi dari India di sini, semalam.

Samy merasmikan penggambaran filem itu bersama Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Samy berkata demikian ketika mengulas kelulusan yang diberi Kerajaan Jepun pimpinan Perdana Menteri, Junichiro Koizumi bagi membiayai projek pembekalan air itu ketika lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun.